



Ruj. Tuan : JBA1116/KOKO/600-3/5/32

Ruj. Kami : JPNJ.600-5/3/1 (6)

Tarikh : 22 Disember 2024

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru
Jalan Abdul Rahman Andak
80100 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN DAN MENJEMPUT MURID BAGI PROGRAM KEJOHANAN BOLA SEPAK BAWAH 12 TAHUN PIALA KAPTEN SARA TAHUN 2025 ANJURAN SK BUKIT MUTIARA, JOHOR BAHRU

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPN Johor mengalu-alukan inisiatif semua pihak termasuk agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum dan sukan di negeri ini.

2. Sehubungan dengan itu, pihak JPN Johor mengambil maklum akan permohonan pihak tuan dan **tiada halangan** untuk **SK Bukit Mutiara, Johor Bahru** menganjur dan menjemput murid bagi program di atas seperti ketetapan yang berikut:

- 2.1 Tarikh : 12 Januari 2025**
2.2 Tempat : Stadium Educuity, Johor Bahru

3. Untuk makluman tuan, surat maklum balas ini tertakluk kepada semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa (Lampiran D) termasuk perkara-perkara yang berikut:

- 3.1 semua murid dan guru yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini. **Peranan pihak sekolah terhad dalam mempertimbangkan memberi kebenaran pelepasan tugas guru dan pelepasan belajar murid sahaja;**
- 3.2 murid, warga sekolah dan pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini dan penyertaan murid perlu mendapat **kebenaran bertulis** dari ibu bapa/penjaga;
- 3.3 tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2005 dan Surat Siaran KPM Bil. 2 Tahun 2016 berkaitan pelaksanaan bekerja lima hari seminggu, **pelibatan murid di bawah tanggungjawab ibu bapa/penjaga;**

...2/-